# FAKULTI PERTANIAN UPM TUAI ROCK MELON VARIETI GLAMOR

Oleh: Nur Syamila Kamarul Arefin dan Nurul Ezzaty Mohd Azhari
Foto: Mohammad Izrul Abdul Jabar



SERDANG, 28 Jun - Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) telah menanam 620 pokok rock melon bagi Program Tanaman Rock Melon Varieti Glamor yang dibiayai sepenuhnya oleh eDU-PARK yang merupakan satu bahagian di Putra Science Park (PSP) UPM untuk program pelancongan pendidikan yang berasaskan pengalaman secara pembelajaran (experiential learning), Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN), UPM dan Fakulti Pertanian.

Projek ini dimulakan pada 14 Jun lalu dan telah berjaya dituai hasil buah rock melon sebanyak 300 biji setakat ini di Ladang 10 di UPM.

Naib Canselor UPM Profesor Datuk Dr Mohd Roslan Sulaiman berkata, penuaian hasil buah rock melon hari ini memberikan hasil yang sangat baik kepada UPM untuk menjana pendapatan dan juga membantu pelajar UPM menambah pendapatan sambil menimba ilmu.



LIHAT JUGA


Kembara Dakwah Al-Falah bantu pelajar asnaf di Pahang. (/berita/kembara_dakwah_al_falah_bantu_pelajar_asnaf_di_pahang-67721)



UPM TAWAR HARGA MAKANAN PATUT RM3.50 (/berita/upm_tawar_harga_makanan_patut_rm350-67672)


Alumni Pertanian 1972 imbau nostalgia kembali ke UPM (/berita/alumni_pertanian_1972_imbau_nostalgia_kembali_ke_upm-67671)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
+603-9769 1000
---
pspk@upm.edu.my (mailto:pspk@upm.edu.my)

W1VHTLAr:11:55



BM

"Sebanyak 620 pokok buah melon varieti glamor ditanam di Ladang 10 oleh Fakulti pertanian yang sangat berkualiti dan dijamin sangat manis.

"Projek ini adalah satu usaha yang sangat baik untuk menggalakkan semua pelajar UPM menceburi bidang pertanian walaupun bukan dari fakulti pertanian sambil bekerja dan menimba ilmu keusahawanan dalam bidang ini kerana permintaan buah rock melon," katanya.

Sementara itu, Pengarah PSP UPM, Prof. Ir. Dr. Kamarul Arifin Ahmad berkata pihaknya berasa sangat gembira dengan hasil tuai yang dikeluarkan oleh tanaman rock melon pada hari ini kerana hasilnya sangat memberangsangkan.

"Mungkin selepas ini kita boleh terus memberikan sokongan kepada tanaman ini supaya menjalankan aktiviti ini lagi malah menambahkan rumah hijaunya lagi. Perancangan masa hadapan ladang rock melon mungkin kita boleh approach pensyarah-pensyarah yang ada membuat penyelidikan tentang rock melon supaya kita boleh jenamakan rock melon seperti durian.





"Contohnya durian ada Musang King dan sebagainya. Jadi kita cuba untuk brandkan Rock Melon dan jadikan harta intelek untuk melindungi aktiviti penyelidikan yang dijalankan supaya orang lain tengok dan tahu bahawa ini adalah produk UPM dan itulah tugas PSP melindungi harta intelek," katanya.

Program eDU-PARK® adalah inisiatif inovatif oleh UPM untuk membawa komuniti kepada inovasi dalam bidang pertanian, sains, teknologi dan kehidupan dalam cara yang menarik dan mesra orang ramai.

Pelawat berpeluang untuk meneroka dunia akademik Universiti Penyelidikan Malaysia dan menimba pengetahuan dari pakar dalam suasana pelancongan. – UPM.

Tarikh Input: 30/06/2022 | Kemaskini: 30/06/2022 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**

(https://www.addtoany.com/share#url=https%3A%2F%2Fwww.upm.edu.my%2Fberita%2Ffakulti_pertanian_upm_tuai_rock_melon_varieti_glamor-67450&title=FAKULTI%20PERTANIAN%20UPM%20TUAI%20ROCK%20MELON%20VARIETI%20GLAMOR%20%7C%20Universiti%20Putra%20Malaysia)
(/#facebook) (/#twitter) (/#linkedin) (/#email) (/#copy_link)
(/#wordpress) (/#print)

**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM
Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

+603-9769 1000

--

pspk@upm.edu.my

TALIAN KECEMASAN
BAHAGIAN KESELAMATAN UPM (24 JAM)
03-9769 7990 | 03-9769 7470 | 03-9769 1999



© 2022 Universiti Putra Malaysia

LANGGAN MELALUI EMAIL Emel anda HANTAR

W1VHTLAr:11:55